

KERTAS KERJA CADANGAN

PROGRAM KECEMERLANGAN AKHLAK REMAJA (ProKAR)

ANJURAN



JABATAN AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN

DENGAN KERJASAMA



SEDAYU EVENT MANAGEMENT
& KEM ALANG SEDAYU



RASIONAL PROGRAM

Bagi merealisasikan ummah yang berjaya maka *Sedayu Event Management* telah mengambil langkah untuk membangunkan modal insan dikalangan belia, remaja atau pelajar sekolah kerana mereka merupakan teras kepimpinan negara masa akan datang. Melalui program ini juga peserta akan didedahkan dengan peranan sebenar sebagai seorang hamba, khalifah, pelajar, anak dan sebagainya. Apabila mereka berjaya menguasai rohani dan kaya dengan ilmunya maka sudah tentu mereka akan dapat hidup sejahtera dunia & akhirat.

Kami berasa terpanggil apabila gejala sosial kian merundung dikalangan remaja yang saban hari membawa kerosakan akhlak. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan namun jika tidak dilakukan bersama maka perkara ini tidak dapat dibanteras. Melalui keprihatinan ini, kami bersedia bersama-sama mengorak langkah untuk bersama-sama membantu menjana modal insan peserta agar mereka menjadi soleh di rumah, di sekolah, di tempat bekerja atau di mana-mana mereka berada iaitu dunia dan akhirat.

OBJEKTIF PROGRAM

1. Mendidik peserta supaya sentiasa mendekatkan diri dan membesarkan Allah di dalam hati.
2. Mendedahkan sifat-sifat anak yang soleh dan solehah dalam diri setiap pelajar.
3. Membentuk akhlak dan sahsiah yang cemerlang.
4. Menanam nilai-nilai *mahmudah* (baik) kepada peserta dalam kehidupan.
5. Menekankan konsep hamba dan khalifah dalam diri peserta.
6. Menilai atau muhasabah kehidupan peserta.
7. Melahirkan ummah yang berani membela agama, bangsa dan negara.



LATAR BELAKANG PELAKSANA

Sedayu Event Management adalah syarikat yang berasal dari Kem rekreasi Alang Sedayu memiliki kepakaran di dalam menguruskan aktiviti kerohanian & rekreasi. Kami percaya setiap kursus yang direncana mampu memberi impak kepada perkembangan sosial peserta terutama kepada remaja. Aktiviti dirangka khusus bukan sahaja semata-mata kepada keseronokan tetapi ke arah menyediakan modal insan yang berkualiti selaras dengan kehendak kerajaan ke arah melahirkan modal insan cemerlang, gemilang & terbilang. Untuk itu, kami sedia menawarkan khidmat profesional dan modul kepada masyarakat dimana-mana sahaja kerana kami percaya bahawa jalan ini mampu memberi anjakan kepada minda masyarakat untuk menjadi masyarakat yang madani dan bertakwa kepada Allah S.W.T. Kami berasa bertuah kerana satu-satunya badan korporat yang menjadi peneroka di dalam menggabungkan elemen rekreasi dan rohani serta diadun mengikut modul yang ditetapkan oleh jurulatih bertauliah. Semoga kepakaran ini dapat dimanfaatkan dengan baik dan kami berharap mendapat kepuasan seranta semua pihak.

No. Perhubungan: 012-5939628-Mohd Azizan Bin Yunus-KEM KOORDINATOR

ANJURAN

PERKIM Kebangsaan

DENGAN KERJASAMA

Kem Alang Sedayu & Sedayu Event Management

TARIKH

22-24 Mac 2013

SASARAN PESERTA

Belia Daerah Gombak



TEMPAT

Kem Alang Sedayu Gombak

MODUS OPERANDI

- Praktikal Dua Hala.
- Diskusi berkumpulan (LDK) untuk mencapah idea dan mencapai resolusi yang bernas.
- Kuiz.
- *Abqary Xplore Race*



JAWATANKUASA KERJA

G
E
R
A
K
G
E
M
I
L
A
N
G

Penasihat 1	JAWI
Penasihat 2	JAWI
Penyelaras Program	JAWI
Timbalan Penyelaras	JAWI
Penasihat Modul	Mohd Azizan Bin Yunus Jurulatih tauliah :Majlis Agama Islam Selangor(Dakwah) :Kementerian Belia & Sukan(Rekreasi) :Program Jati Diri dan Kesukarelaan Nasional
Koordinator Program	Abdul Hafiz Bin Abd Bar
Ketua Fasilitator	Khairul Adha B Roslan
Ketua Acara	Muslim Bin Mohd Sani
Ketua Fasilitator	Ustaz Muhd. Anwar Idris Ijazah Pengajian Islam Usuluddin (Tafsir) Universiti Al-Azhar



Media	En. Mohd Syahril Rosdi Ahmad Zahudi Pegawai Teknologi Maklumat, Komunikasi & Media
Fasilitator	Fasilitator terlatih mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Unit Pengangkutan	En.Mohd Zaki Abdullah Cik Dhiya Fauzani
Unit Keselamatan	Cik Nurfazlina En.Mohd Esmi Elias Pn.Salmiah
Unit Kebajikan	Pn.Asliza Awaluddin Pn.Habibah Itam Pn.Siti Norbaya Mohd Yusof



TENTATIF PROGRAM

HARI PERTAMA

5.00-6.30	Pendaftaran dan Pengurusan Penginapan
	Pembahagian Kumpulan
6.30-7.00	Majlis Suai kenal
7.00-7.30	Khidmat diri/makan malam
7.30-7.45	Solat Maghrib Berjemaah
7.45-8.45	Tazkirah : Peranan Manusia di Muka Bumi.
8.45-9.00	Solat Isyak Berjemaah
9.00-11.00	Latihan Dalam Kumpulan 1 Taaruf & Mind Setting
11.00-12.00	Mind mapping
12.00-05.30	Hibernasi



HARI KEDUA

MASA

AKTIVITI

05.30-6.00	Bangun Siap Diri
06.00-06.15	Solat Subuh
06.15-07.00	Tazkirah : Allah Sumber Motivasi
07.00-08.00	Malaysia Cergas
08.00-09.00	Sarapan pagi Khidmat diri
09.00-11.00	Latihan Dalam Kumpulan 2 Matlamat & Halatuju
11.00-11.15	Minum pagi
11.15-1.00	Explorace
1.00-2.00	Solat Zohor Berjemaah Makan tengahari
2.00-4.30	Resolusi Explorace
4.30-5.00	Solat Asar Berjemaah
5.00-6.30	Experiental Learning- Team Building
6.30-7.15	Makan malam
7.15-7.30	Solat Maghrib Berjemaah
7.15-8.30	Tazkirah: Kalimah Syahadah
8.30-8.45	Solat Isyak Berjemaah
8.45-10.30	ASPIRASI S.T.E.P
11.00-05.00	Hibernasi



HARI KETIGA

MASA

AKTIVITI

05.30-06.00	Qiamullail
06.00-06.15	Solat Subuh
06.15-07.00	Tazkirah: Mencari Keredhaan Allah
07.00-08.00	Malaysia Cergas
08.00-09.00	Sarapan pagi
	Khidmat diri
09.00-1.00	Jungle Trekking
1.00-2.00	Persiapan diri dan Solat Zohor berjemaah
2.00	Majlis penutup
	Makan tengahari/Lambaian Perpisahan



MODUS OPERANDI INDOOR

Latihan Dalam Kumpulan (LDK)

Para peserta akan di bahagikan kepada kepada beberapa kumpulan dan akan di kendalikan oleh fasilitator. Fasilitator akan di pertanggungjawabkan untuk memerhati dan menguruskan para peserta di dalam LDK. Terdapat empat LDK yang bertujuan untuk memotivasi dan memberi pendedahan yang lebih lanjut tentang ibadah kepada para peserta. Peserta akan dibimbing untuk menjadi pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat serta menjadi anak yang soleh dan solehah.

- LDK 1 (TAARUF)
- LDK 2 (MATLAMAT DAN HALA TUJU)

Solat Berjemaah

Untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kebaikan dan ganjaran apabila solat berjemaah. Solat berjemaah jauh lebih baik daripada solat bersendirian. Oleh itu, kita dapat membimbing para peserta untuk rajin bersolat berjemaah samada di rumah atau di masjid. Selain itu, melakukan solat berjemaah ini akan lebih mengeratkan lagi silaturrahim antara umat Islam.

“Explorace”

Sebanyak 5 ‘checkpoint’ akan dirintangi oleh setiap kumpulan. Setiap kumpulan akan dibekalkan dengan sebatang lilin dan api yang mana mereka akan membawa lilin tersebut sepanjang ‘explorace’. Setiap ‘checkpoint’ akan dijaga oleh fasilitator dan apabila peserta sampai ke ‘checkpoint’, mereka akan ditanya berkaitan tentang kehidupan ibadah mereka. Explorace ini bertujuan untuk membentuk para peserta supaya sentiasa bersabar dan mempunyai matlamat serta hala tuju untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.

Qiyamullail

Qiyamullail bertujuan untuk mengajar peserta bangun pada waktu malam dengan tujuan untuk beribadat kepada Allah S.W.T. melalui solat sunat, berzikir, membaca Quran, bertasbih dan berdoa. Antara solat sunat yang akan dilakukan ialah solat tahajjud, solat taubat, solat hajat dan solat witr.

Mind mapping

Mind Mapping bertujuan untuk mengasah teknik pemikiran dan mengingat kepada peserta bagi merencanakan persiapan peperiksaan. Ini bagi menambahkan keyakinan diri peserta untuk memahami serta mengingati subjek berbentuk teknikal dan abstrak.

Aspirasi S.T.E.P

Kesedaran merupakan salah satu faktor dalam memupuk para peserta untuk mencapai kejayaan kerana kesedaran dalam diri boleh muhasabah diri atas kesilapan yang telah dilakukan selama ini. Dalam slot ini, para peserta akan dimuhasabahkan oleh fasilitator atas kesilapan yang telah mereka lakukan.

BELANJAWAN

G
E
R
A
K
G
E
M
I
L
A
N
G

1	Pakej perkhemahan peserta termasuk makan dan minum serta kemudahan dewan: @ RM50.00 x 250 orang x 2 hari	RM	25,000.00
2	Pakej penginapan urusetia di asrama termasuk makan dan minum serta kemudahan dewan: @ RM70.00 x 30 orang x 2 hari	RM	4,200.00
3	Aktiviti outdoor(jungle tracking,obstacle & night walking) @ RM15.00 x 250 orang	RM	3,750.00
4	Pengangkutan @ RM500.00 x 7 buah bas	RM	3,500.00
5	Peralatan kursus (kertas A4, fotostat dan bahan LDK) @ RM10.00 x 250 orang	RM	2,500.00
6	Induksi fasilitator:	RM	1000.00
7	Saguhati urusetia @ 20 urusetia x RM40 x 2 hari	RM	1,600.00
8	Perkhidmatan modul & jurulatih penuh @ RM20 X 250 orang X 2 hari	RM	10,000.00
10	Hadiah kumpulan @ RM40 x 30 kumpulan	RM	1,200.00
11	Banner @ RM100 x 5	RM	500.00
12	Kontijensi	RM	1,000.00
	JUMLAH	RM	54,250.00



PENUTUP

Semoga dengan apa yang di usahakan diberkati Allah. Terima kasih di ucapkan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak. Di harap agar program sebegini akan mendapat tempat di hati semua. Apa yang kita rancang adalah bukan hasilnya, kerana segalanya bergantung kepada rahmat dan hidayah tuhan. Semoga Allah memberkati usaha ini.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

.....
(MOHD AZIZAN BIN YUNUS)
Penasihat Modul

